



07 APR, 2026

Cypark raih kontrak RM1.96b Projek Solar Terapung Kenyir

Berita Harian, Malaysia



Cypark raih kontrak RM1.96b Projek Solar Terapung Kenyir

Projek perkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam infrastruktur tenaga bersih

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Konsortium yang diketuai oleh Cypark Resources Bhd (Cypark) dianugerahkan kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) bernilai RM1.962 billion oleh TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB GENCO).

Kontrak itu membabitkan projek loji fotovolta solar terapung hibrid hidro (HHFS) berkapasiti 595 megawatt arus ulang-alik (MWac) yang diintegrasikan dengan sistem penyimpanan tenaga bateri (BESS) di Tasik Kenyir, Terengganu, dikenali sebagai Projek HHFS Kenyir.

Cypark berkata projek itu dilaksanakan oleh konsortium yang turut membabitkan Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc) dan TNB GENCO. Apabi-



Dari kiri Pengerusi Sunview Group, Zulkify Zakaria; Pengerusi Cypark Resources Berhad, Tan Sri Abdul Wahid Omar; Ami Moris; Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd, Datuk Shahrir Abdul Latiff serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Terengganu Incorporated Sdn Bhd, Datuk Burhanuddin Hilmi Mohamed pada majlis penganugerahan kontrak baru-baru ini.

la siap pada 2028, HHFS Kenyir skala besar, dengan penggunaan teknologi canggih termasuk BESS bagi meningkatkan kestabilan sistem serta mengoptimumkan pengeluaran tenaga.

Menurutnya, pencapaian itu menandakan satu kejayaan penting bagi rantau ini, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam infrastruktur tenaga bersih ber-

terapung yang kompleks, selain menegaskan keupayaan kumpulan untuk menyampaikan projek tenaga boleh diperbaharui berskala besar dan berimpak tinggi.

"Pencapaian ini juga mencerminkan kejayaan Cypark menukar peluang tender kepada projek yang dimuktamadkan, sekali gus mengukuhkan strategi jangka

panjang syarikat dengan menyumbang pendapatan berulang melalui pemilikan aset dan pendapatan jangka pendek menerusi keupayaan EPCC.

"Projek HHFS Kenyir dijangka menyumbang positif kepada pendapatan, selain mengukuhkan kedudukan Cypark sebagai platform infrastruktur tenaga boleh diperbaharui dan alam sekitar terkemuka di Malaysia," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Cypark, Datuk Ami Moris, berkata pencapaian itu mencerminkan kekuatan keupayaan kumpulan, kepercayaan rakan strategik serta kebolehan dalam melaksanakan infrastruktur tenaga boleh diperbaharui yang kompleks.

"Projek HHFS Kenyir mengukuhkan hala tuju strategik kami untuk memposisikan Cypark sebagai platform tenaga boleh diperbaharui terkemuka dan menandakan fasa pertumbuhan seterusnya yang disokong oleh projek berkualiti tinggi.

"Selain impak komersial, projek ini mencerminkan aspirasi kami untuk menyumbang secara bermakna kepada pembangunan negara, memperkukuh keselamatan tenaga Malaysia dan mempercepat peralihan ke arah ekonomi rendah karbon," katanya.